

MAHATHIR - KOPERASI

1984
BANGI, 8 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD H A R I
INI MAHU PERJALANAN BBAIK GERAKAN KOPERASIDI NEGARA INISEKARANG
TERUSDIKEKALKAN DAN BELIAUTIDAK MAHU LAGIMENDENGAR PERKARA YANG
MENYEDIHKAN MELAMDA KOPERASI SEPERTIPENYELEWENGAN OLEH SEBILANGAN
ORANGYANGTERLIBAT DALAM PENGURUSANNYA.

PERDANA MENTERL PERCAYA HANYA DENGAN PENGAWASAN DAN PENYELIAAN
YANG JVVJUR, BARULAH KOPERASI BOLEH BERJALAN DENGAN BERKESAN D A L A M
U S A H A MENCAPAISATU DARIPADA MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU IAITU
MEMBASMI KEMISKINANAN.

TIDAKLEBIH PENTING DALAM GERAKANKOPERASI
DARIPADA AMANAH. JIKA JAWATANKUASA DANPEGAWAI ATAU KAKITANGAN YANG
DITUGASKAN TIDAK BERAMANAH, MAKA AKAN GABALLAH KOPERASI.

SEMENTARA KITA PERCAYA BAHAWA RAMAI DARIPADA KITA MEMPUNYAI
AMANAH, KITA TIDAK BOLEH BIAR PELUANG MENGGODA NAFSU ORANG-ORANG YANG
TERLIBAT, TAMBAHNYA SEMASA MELANCARKAN KOPERASI PEMBANGUNAN NEGARA
DI DWAN CHANSELOR TUN RAZAK, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DISINI.

OLEHITU, YERANG DATUK SERI DR. MAHATHIR, JAWATANKUASA, AHLI SERTA
KAKITANGAN KOPERASI, HESTILAH MENYEMAK SECARA JUJUR KERJA-KERJA YANG
DIBUAT OLEH SEMUA YANG BERG AK DALAM KOPERASI. - LAGI: 1400 BW
MAHATHIR - KOPERASI 2 BANGI

KATANYA, PARA PENGURUS YANG PROFESIONAL DAN DILATIH KHAS PATUTLAH
DIAMBIL JIKA PERLU UNTUK MENGURUS KERJA-KERJA HARIAN, SEMENTARA
JAWATANKUASA PAN AHLI-AHLI LAIN MENGAMBIL BERAT OAN MEMERHATIKAN
PPRJALANAN KOPERASI-KOPERASIBARU LTU.

PERDANA MENTERI BERBANGGA DENGAN PERUBAHAN KETARA DALAM GERAKAN
KOPERASI SEJAK 'ERA BARU KOPERASI' DIISYTDHARKAN PADA 28 JAN. 1982.

PERUBAHAN INI TELAH MENGHIDUP DAN MEMUPUK KEMBALI SEMANGAT D A N
PERPADUAN AHLI-AHLI KOPERASI DI SELURUH NEGARA UNTUK MENJALANKAN
KEGIATAN-KEGIATAN KOPERASI MENURUT PRINSIP DAN PERLEMBAGAAN SERTA
AMALAN-AMALAN LAZIM GERAKAN KOPERASI.

K A L A V DAHULU KITA MENDENGAR PERKARA-PERKARA NEGATIF, MENGECEWA,
MENYEDIH DAN MENCEMARKAN NAMA BAIK GERAKAN KOPERASI, UMPAMANYA,
PENYELEWENGAN YANG DILAKUKAN OLEH SEBILANGAN ORANG YANG TERLIBAT
D A L A M PENGURUSAN KOPERASI.

KALAU OAHULU KOPERASI GAGAL DALAM KEGIATAN PERNIAGAAN YANG
DIUSAHAKANNYA, KOPERASI BERJALAN TANPA MEMATUHI UNDANG-UNDANG DAN
PERLEMBAGAAN, KOPERASI TIDAK BERMESYUARAT AGUNG UNTUK BEBERAPA TAHUN,
MASALAH KIRA-KIRA PERNIAGAAN KOPERASI TIDAK PERNAH SAMPAI KE
PENGETAHUAN AHLI DAN BERNACAM-MACA PERKARA LABI, MAKA PADA MARL INI
KITA TELAH PERHATIKAN SEDIKIT SEBANYAK PERUBAHAN. -- LAGI 1433/II

MAHATHIR - KOPERASI 3 BANGI

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA GEMBIRA KERANA SUARA-SUARA LANTANG YANG SELALUNYA MENCERITAKAN KEBURUKAN ' ' ITU DAN INI ' ' DALAM GERAKAN KOPERASI TELAH REDA SEDIKIT DAN GARA-GARA KOPERASI TIDAK BERMESYUARAT DAN BUKUAKAUN TIDAK BERTULIS NAMPAKNYA TELAH MENJADI CERITA LAMA.

' ' ALASAN-ALASAN YANG BUNYINYA MENASABAH PADA MASA DAHULU DAN KERENAH YANG BERLAKU KEPADA KOPERASI-KOPERASI DAHULU, KALAU DIDENGAR LAGI PADA HARI INI BUNYINYA SUMBANG DAN TIDAK LAGI BOLEH DITERIMA.

BELIAU YAKIN DENGAN PERUBAHAN ITU, MEREKA YANG CUBA MENYALAHKAN USAHA-USAHA DI LUAR DARIPADA PERATURAN DAN MENYALAH AMALAN-AMALAN BIASA KOPERASI, AKAN BERASA JANGGAL OAN TERASA SALAH DIRINYA SENDIRI KERANA SEMUA AHLI KOPERASI TELAH SEDAR CARA MANA DAN KE ARAH MANA KOPERASI PATUT DITADBIR DAN DIKELOLAKAN.

DENGAN DEMIKIAN AHLI KOPERASI PADA HARI INI TELAH DAPAT MENGGUNAKAN MASA UNTUK MEMBINCANGKAN RANCANGAN-RANCANGAN YANG PERLU DIKENDALIKAN SEJAJAR DENGAN KEMAMPUAN KOPERASI SERTA DISOKONG OLEH KEMUDAHAN-KEMUDAHAN KHIDMAT EKONOMI DAN PERUNDINGAN YANG ADA.

KATANYA, MEREKA TIDAK LAGI MENUMPUKAN BANYAK MASA MEMBINCANGKAN MASALAH SEPERTI PENYALAHGUNAAN HANG DAN HARTA KOPERASI SERTA LAIN-LAIN PERKARA YANG TIDAK SIHAT AKIBAT TINDAK-TANDUK BEBERAPA ORANG YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB. -- LAGI 1433/II

ZCZC 8332

MAHATHIR - KOPERASI 4 BANGI

KOPERASI PEMBANGUNAN NECARA YANG DILANCARKAN HARI INI DITUBUHKAN DAN DIDAFTARKAN PADA 2 DIS. LALU RAN IA MERUPAKAN SEBUAH KOPERASI INDUK PERINGKAT NASIONAL YANG AKAN MENGGABUNGAN SEMUA KOPERASI DI NEGARA INI DENGAN TUJUAN UNTUK MENJALANKAN BERBAGAI PERUSAHAAN DAN PERDAGANGAN.

IA AKAN BERGERAK SEBAGAI SEBUAH BADAN PEMBANGUNAN EKONOMI DENGAN MENJALANKAN KEGIATAN MEMBEKAL BAHAN-BAHAN BINAAN DAN ALAT-ALAT JENTERA SERTA BARANG-BARANG GUNAAN, MENGIMPORT BARANG-BARANG YANG DIPERLUKAN DAN JUGA MENGEKSPORT BARANG-BARANG KELUARAN KOPERASI-KOPERASI TANAH AIR.

PADA MASA INI AHLINYA IALAH SERAMAI 890,000 ORANG DARI 174 KOPERASI YANG DIDAFTARKAN ATAU 30 PERATUS DARIPADA ANGGOTA KOPERASI DI SELURUH NEGARA.

PERDANA MENTERI MEMBERI JANJI N KERAJAAN AKAN MEMBANTU DAN MEMIMPIN KOPERASI IN OUK INI DENGAN LEBIH BERERTI LAGI APABILA GERAKAN KOPERASI ITU SENDIRI DAPAT MENUNJUKKAN KEYAKINAN MEREKA TERHADAP KPN.

' ' HANYA DENGAN KESUNGGUHAN AHLI-AHLI KOPERASI, DENGAN ADANYA P XMPINAN DAN PENGLIBATAN CERDIK PANDAI, SAYA YAKIN KOPERASI INI BOLEH MENJAOIKAN GERAKAN KOPERASI DI MALAYSIA SEBAGAI SATU SEKTOR EKONOMI YANG EFEKTIF DAN MEMAINKAN PERANANNYA SECARA TEGAS DAN BERKESANDALAN USAHA PEMBANGUNAN NEGARA. -- BERNAMA 1440/ I I